

01 AUG 1997

Ting-Laporan

SEMUA KERAJAAN NEGERI PERLU KEMUKA LAPORAN PENCAPAIAN

KANGAR, 1 Ogos (Bernama) -- Semua kerajaan negeri diarah mengemukakan laporan pencapaian kempen penanaman pokok di negeri masing-masing kepada kerajaan pusat pada September ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh berkata laporan pertama itu akan dijadikan rumusan terhadap pencapaian keseluruhan kempen yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Mac lepas.

"Kita perlukan laporan setiap enam bulan dan September ini menggenapkan tempoh enam bulan pertama kempen itu," katanya kepada pemberita di sini hari ini sebelum melancarkan kempen penanaman pokok di Kampung Baru Pauh dekat sini.

Menurut beliau, laporan itu antara lain perlu mengandungi jumlah pokok yang telah ditanam, masalah yang dihadapi serta penyelesaiannya.

Kerajaan mempunyai matlamat untuk menanam sebanyak 3 juta pokok sehingga tahun 2000 dan angka itu akan mudah dicapai jika 15 peratus daripada penduduk negara ini menanam sekurang-kurangnya sebatang pokok setiap tahun.

Beliau juga berharap sektor swasta serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut membantu menjayakan kempen itu sama ada sebagai penaja atau membabitkan diri secara langsung dalam program penanamannya.

Mengenai perbuatan khianat segelintir pihak tertentu yang menebang dan mengelar pokok-pokok yang ditanam dalam kempen itu, Ting berharap perkara itu dilaporkan kepada polis.

Katanya, kerajaan amat mengambil berat terhadap usaha menghidupkan bumi Malaysia dengan menggalakkan rakyat menanam pokok sebanyak mungkin dan perbuatan khianat seumpama itu perlu dibanteras.

Mengenai kempen anti-Aedes, beliau berkata kementerian itu yang menjadi penyelaras kepada kempen itu memerlukan laporan mingguan daripada setiap negeri mengenai kedudukan kes dan masalah yang dihadapi.

Katanya, masih terdapat negeri yang hanya memberi laporan lisan kepada kementerian mengenai perkembangan wabak Denggi di negeri ini masing-masing sedangkan laporan itu patut dibenteng secara bertulis.

Ting berharap, negeri-negeri yang masih belum mengemukakan laporan bertulis supaya berbuat demikian secepat mungkin kerana perkara itu akan dibenteng pada mesyuarat kabinet pada Rabu ini.

Mengenai laporan wujudnya projek perumahan yang kurang berkualiti, beliau menyifatkan perkara itu amat serius kerana dan pemaju terbabit wajar dipertanggungjawabkan.

"Kementerian mempunyai senarai nama pemaju yang ada di antaranya mempunyai rekod tidak baik. Kementerian belum menyenaraihitamkan nama mereka tetapi ia tetap menjadi rekod pentadiran," katanya.

Katanya, jika terdapat projek perumahan yang kurang berkualiti, pembeli boleh mendakwa pemaju terbabit. -- BERNAMA

AD NMO